

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah tarikh yang pasti pembinaan Hospital Pasir Gudang akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Pembinaan Hospital Pasir Gudang (304 katil) kini di peringkat perolehan oleh Agensi Pelaksana projek iaitu Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).
2. Untuk makluman ahli Dewan Yang Mulia, projek ini telah pun ditender pada 8 Ogos 2019 yang lepas dan tarikh tutup tender adalah pada 7 November 2019.
3. Penilaian teknikal dan kewangan telah dibuat dan satu laporan penilaian tender telah diangkat ke Lembaga Perolehan JKR yang telah bersidang pada 14 Februari 2020. Perakuan dan kelulusan syor kontraktor telah diperolehi daripada Kementerian Kewangan (MOF). Oleh itu, Surat Niat (LOI) telah dikeluarkan pada 6 Julai 2020 dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada 30 Ogos 2020. Jangkaan Tarikh Milik Tapak projek adalah pada 14 September 2020. Tempoh pembinaan projek adalah selama 48 bulan dengan Tarikh Jangka Siap pada 14 September 2024. Sekian, terima kasih.